



BULETIN
JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH
2025

— **“SABAH MAJU JAYA”** —



<https://jheans1.sabah.gov.my/>



<https://m.facebook.com/jheans.sabah/>

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Tuan Nordin Lossin
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

KETUA EDITOR

Puan Norisah binti Saiman
Timbalan Pengarah Pentadbiran

PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Syaheeda binti Hamdani
Penolong Pengarah
Pembangunan Sumber Manusia

PENGARANG

Encik Mohammad Nazri bin Jamari
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Integriti & Korporat

SUB-EDITOR & GRAFIK

Puan Azimah Athera Jamaluddin
Pembantu Tadbir & Operasi
Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

SUMBER MEDIA & MAKLUMAT

Semua Bahagian
Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah



Kandungan

SELAMAT DATANG TUAN PENGARAH	4-5
AKTIVITI JANUARI 2025	
• Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah	6
• Kursus Transformasi Kepimpinan Ketua-Ketua Adat Cemerlang Siri 1/2025 Daerah Tambunan	7
• Kursus Transformasi Kepimpinan Ketua-Ketua Adat Cemerlang Siri 2/2025 Daerah Keningau	7
• Kursus Pemerkasaan Ketua-Ketua Adat Zon 1 Pantai Barat Selatan	8
• Majlis Amanat Pengarah 2025	9-11
AKTIVITI FEBRUARI 2025	
• Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 2/2025 Daerah Putatan	12
• Taklimat Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	12
• Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 3/2025 Daerah Kunak	13
• Lawatan Pemantauan Dan Lawatan Tapak Mahkamah Anak Negeri Tongod	14
• Bengkel Kehakiman Mahkamah Anak Negeri Tahun 2025	15
• Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Dan Pengiktirafan Status Perniagaan Anak Negeri Sabah (JPSPANS) Bil.2/2025	16
• Bengkel Pemurnian Laman Web JHEANS	16
• Mesyuarat Kajian Penjajaran Kouta Ketua-Ketua Adat	17
• Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri Bil. 2/2025	18
AKTIVITI MAC 2025	
• Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 4/2025 Daerah Tawau & Kunak	19-20
• Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 4/2025 Daerah Beluran	21-22
• Lawatan Kerja Pengarah JHEANS Ke Mahkamah Anak Negeri Sandakan	23
• Lawatan Kerja Pengarah JHEANS Ke Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu Dan Paitan	24
• Webinar Pilar Dinamik: Memperkasa Sokongan Perkhidmatan, Komunikasi, Dan Profesionalisme	25
• Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan Status Perniagaan Anak Negeri Sabah Bil. 3/2025	26
• Mesyuarat Kemajuan Kerja (Site Progress Meeting) Mahkamah Anak Negeri Ranau	27
• Mesyuarat Kemajuan Kerja (Site Progress Meeting) Mahkamah Anak Negeri Tamparuli	28
• Majlis Perhimpunan Bulanan JHEANS	29-31



TUAN NORDIN LOSSIN

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Meneruskan Khidmat Bakti Cemerlang di Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Buletin Edisi Pertama ini menampilkan figura penting dalam pentadbiran Jabatan iaitu Tuan Nordin Lossin, seorang pegawai berdedikasi yang telah menabur bakti selama 34 tahun dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Nordin Lossin dilahirkan pada 14 Mei 1967 di daerah Tuaran, Sabah. Beliau memulakan pendidikan menengah rendah di SMK Badin Tuaran dan seterusnya di Maktab Sabah. Pengajian peringkat seterusnya bermula dari Diploma Pentadbiran Awam dalam bidang Pengurusan Dan Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2000. Kemudiannya, beliau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Psikologi dan Sejarah (Double Major) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2005.

Kepimpinan beliau yang berteraskan integriti, profesionalisme dan mengamalkan budaya korporat menjadi pemacu kepada kecemerlangan Jabatan ini. Aspirasi beliau adalah untuk memartabatkan lagi imej korporat Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah agar orang awam lebih mengenali keistimewaan pentadbiran JHEANS dalam pengurusan hal ehwal Anak Negeri serta mengukuhkan struktur dalaman JHEANS agar dapat berdiri sebagai jabatan cemerlang dalam Kerajaan Negeri.



"Saya percaya kepada pembangunan kemahiran dan bakat khususnya terhadap pegawai-pegawai yang saya pimpin. Saya percaya dengan kepimpinan melalui teladan dan integriti, jadi saya mempunyai aspirasi tinggi untuk menggalakkan pegawai-pegawai dibawah seliaan saya menjadi lebih baik dari yang sebelumnya."

Selain daripada melihat pencapaian Jabatan, beliau juga beraspirasi menaiktaraf pembangunan modal insan warga kerja JHEANS agar selaras dengan hala tuju Sabah Maju Jaya.

"BANTU ORANG AWAM DENGAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK"

Nordin Lossin

INFOGRAFIK PERKHIDMATAN



2003

23 Jun - 17 Julai

Dipilih mengikuti Kursus Latihan Pembangunan Pengurusan Pegawai-Pegawai Eksekutif di Seoul, Korea Selatan.

2022

SETIAUSAHA SPANS

Memulakan tugas sebagai Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 31 Oktober 2022.

2024

Pengarah Bahagian Governan & Korporat JPAN

Berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Governan & Korporat pada 5 Januari 2024 di JPAN.


2024

Pengarah JHEANS

Memulakan pentadbiran sebagai Pengarah Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah pada 9 Disember 2024.



10 PENCAPAIAN JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH SUKUAN PERTAMA 2025





AKTIVITI JANUARI 2025

Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 1/2025



Tarikh: 9 - 10 Januari 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Tambunan, Mahkamah Anak Negeri Sook, & Mahkamah Anak Negeri Keningau.

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.



Tahukah anda



Jumlah Mahkamah Anak Negeri

Terdapat 38 Mahkamah Anak Negeri di seluruh Sabah yang beroperasi di bangunan sendiri atau di pejabat daerah.

Projek ini dibiayai oleh Peruntukkan Pembangunan Persekutuan Dan Negeri di bawah RMKe-11 dan RMKe-12.

MAN yang berada di bangunan Pejabat Daerah

1. MAN BEAUFORT
2. MAN BELURAN
3. MAN KALABAKAN
4. MAN KINABATANGAN
5. MAN KOTA BELUD
6. MAN KOTA MARUDU
7. MAN KUALA PENYU
8. MAN KUNAK
9. MAN MEMBAKUT
10. MAN PITAS
11. MAN SEMPORNA
12. MAN SIPITANG
13. MAN TAWAU
14. MAN TELUPID
15. MAN TENOM
16. MAN BANGGI
17. MAN KEMABONG
18. MAN KIULU
19. MAN MATUNGGONG
20. MAN MENUMBOK
21. MAN TUNGKU

Bangunan siap dan beroperasi (RMKe-11)

- | | |
|-------------------|-----------------|
| 1. MAN TUARAN | Daerah |
| 2. MAN TAMBUNAN | Penuh: 7 |
| 3. MAN SANDAKAN | |
| 4. MAN PENAMPANG | |
| 5. MAN LAHAD DATU | |
| 6. MAN KUDAT | |
| 7. MAN KENINGAU | |

Bangunan sedang/dalam rancangan pembinaan (RMKe-12)

1. MAN RANAU
2. MAN TONGOD
3. MAN PUTATAN
4. MAN NABAWAN
5. MAN PAPAR
6. MAN KOTA KINABALU
7. MAN TAMPARULI
8. MAN SOOK
9. MAN PAITAN
10. MAN PAGALUNGAN

Daerah Penuh: 6
Daerah Kecil: 4



AKTIVITI JANUARI 2025

KURSUS TRANSFORMASI KEPIMPINAN KETUA-KETUA ADAT CEMERLANG SIRI 1/2025 BAGI DAERAH TAMBUNAN

- Tarikh:
13-14 Januari 2025
- Tempat:
Dewan Masyarakat
Tambunan
- Pelaksana:
Institut Latihan Mahkamah
Anak Negeri (Latihan)
- Bilangan Peserta:
96 Ketua Adat



Dari kiri: Tuan Rizal bin Maulah (Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tambunan), Tuan Nordin Lossin (Pengarah JHEANS), Tuan Sobitun Makajil (Pegawai Daerah Tambunan), OKK Philip Pilim Datuk Kitingan (Ketua Daerah MAN Tambunan), Sub Inspektor Thedius bin Ungoh (Ketua Balai Polis Tambunan), Puan Siti Haryani binti Yahya (Penolong Pegawai Daerah Pentadbiran), dan Puan Saldivilla Wences (Pegawai Wakil Rakyat).

KURSUS TRANSFORMASI KEPIMPINAN KETUA-KETUA ADAT CEMERLANG SIRI 2/2025 BAGI DAERAH KENINGAU

- Tarikh:
16-17 Januari 2025
- Tempat:
Dewan Masyarakat
Keningau
- Pelaksana:
Institut Latihan Mahkamah
Anak Negeri (Latihan)
- Bilangan Peserta:
129 Ketua Adat



Dari kiri: Encik Tinus Majip (CDO N40 Bingkor), Tuan Nordin Lossin (Pengarah JHEANS), YB Datuk Isnin bin Aliasnih (Pembantu Menteri KKTP), Tuan Mohd. Fawzi b. Abdul Kadir (Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Keningau), Encik Adzra @ Addy RM Jasni (CDO N41 Liawan)





AKTIVITI JANUARI 2025

KURSUS PEMERKASAAN KETUA-KETUA ADAT ZON 1 PANTAI BARAT SELATAN

Tarikh: 21-23 Januari 2025

Tempat: Hilton Hotel, Kota Kinabalu

Pelaksana: Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri (Latihan)

Bilangan Peserta: 62 Ketua Adat



Depan, dari kiri: Puan Norisah binti Saiman (Timbalan Pengarah Pentadbiran JHEANS), Datuk Dr Jamili Nais (Setiausaha Tetap KKTP), Dato' Hj Mohd Zain Datuk Dahlan (Ketua Daerah Mahkamah Anak Negeri Tuaran)





AKTIVITI JANUARI 2025

MAJLIS AMANAT PENGARAH 2025

28 Januari 2025 | Hotel Shangri-La Tanjung Aru

Intipati Ucapan Pengarah Sempena Majlis Amanat Pengarah 2025



Tatakelola Kehadiran dan Kod Etika Berpakaian

Kehadiran tepat waktu dan kod etika berpakaian sentiasa dipatuhi.



Mengutamakan Integriti dan Memperkasakan Profesionalisme

Mengutamakan integriti dalam setiap tindakan dan memperkasakan profesionalisme.



Menjadi Ejen Perubahan

Berani mencuba pendekatan baru dan inovatif.



Tatakelola Mahkamah Anak Negeri

Memastikan Mahkamah Anak Negeri berfungsi dengan baik dan mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan.



Pendigitalan Tugas JHEANS

Mengurangkan birokrasi, ralat manusia, dan mempercepatkan penyelesaian kes-kes berkaitan Anak Negeri.



PEMBUKA TIRAI 2025... Majlis Amanat Pengarah 2025 disempurnakan dengan jayanya dengan kepimpinan barisan pegawai dan kakitangan JHEANS.



AKTIVITI JANUARI 2025

MAJLIS AMANAT PENGARAH 2025

28 Januari 2025 | Hotel Shangri-La Tanjung Aru



Pengarah bersama-sama pegawai-pegawai JHEANS turut melakukan yee sang, sebagai simbolik kepada kemakmuran dan kesejahteraan.



PENAMPILAN SULUNG... En. Mohd Nazri bin Jahri pegawai baharu yang ditempatkan di UANS sebagai pengacara Majlis Amanat Pengarah 2025.





PELANCARAN LOGO RASMI JHEANS PEMACU IMEJ KORPORAT JABATAN



Puan Arizanah menerima hadiah daripada YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP).

Seiring dengan aspirasi JHEANS untuk melonjakkan kadar keternampakan jabatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri, Pengarah Tuan Nordin Lossin telah melancarkan logo rasmi JHEANS dalam Majlis

Amanat Pengarah 2025 yang dilangsungkan Januari lepas.

Logo ini merupakan hasil rekaan **Puan Arizanah binti Ariffin** daripada Mahkamah Anak Negeri Membakut dan telah menang dalam pertandingan dalaman mencipta logo rasmi Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah pada tahun 2024. Pertandingan tersebut merupakan ilham mantan Timbalan Pengarah Pentadbiran, Puan Siti Zuraihan bin Ag. Mohd Hussin dan dilaksanakan semasa pembentukan Pelan Organisasi Antirasuah (OACP) Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri 2024.

Penganjuran pertandingan secara dalaman ini mendapat sambutan baik daripada warga kerja JHEANS. Sebanyak 10

penyertaan telah diterima oleh Unit Integriti Dan Korporat JHEANS yang merupakan urusan setia pertandingan. Kesemua penyertaan tersebut telah dinilai dalam jawatankuasa penilai yang terdiri daripada Balai Seni Lukis Sabah; Bahagian Integriti Dan Korporat, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri; Dewan Bahasa Cawangan Negeri Sabah; dan Pustaka Negeri Sabah.

Setelah meneliti kesemua penyertaan, cadangan rekaan logo daripada Puan Arizanah memenuhi semua syarat pertandingan dan kriteria penilaian yang ditetapkan. Rekaan logo ini menjadi logo rasmi JHEANS setelah diwartakan pada penghujung tahun 2024.



Padi adalah sumber makanan utama manusia dan melambangkan keutamaan, kepentingan dan sumber inspirasi kepada masyarakat tempatan.

Gunung Kinabalu menjadi lambang kebanggaan Negeri Sabah, sinonim dengan Jabatan yang menjadi kebanggaan masyarakat tempatan dalam memperjuangkan adat.

Warna Merah lambang keberanian dalam memperjuangkan kebenaran dan keharmonian kaum yang terdapat di Negeri Sabah.

Warna Putih lambang kesetiaan terhadap perlembagaan, undang-undang dan sistem pemerintahan yang telah ditetapkan.

Gelung Lencana merupakan lambang kepada Jabatan sebagai gedung ilmu, demi memperkasakan generasi baharu dengan adat resam dan undang-undang yang berkaitan.



AKTIVITI FEBRUARI 2025

Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 2/2025



Tarikh: 4 Februari 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Putatan

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia JHEANS



TAKLIMAT DARIPADA PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH



Tarikh: 11 Februari 2025

Tempat: Bilik Mesyuarat JHEANS

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia





AKTIVITI FEBRUARI 2025

Lawatan Jawatankuasa Penilaian Mahkamah Anak Negeri Sabah Siri 3/2025

Tarikh: 13 Februari 2025

Tempat: Tapak Mahkamah Anak Negeri Kunak

Pelaksana: Bahagian Pembangunan

Agensi/Individu terlibat: Pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU), Ketua-Ketua Adat Mahkamah Anak Negeri Kunak.



YB Datuk Norazlinah Arif ADUN Kunak (tengah) bersama Pengarah dan pegawai-pegawai JKR, JTU dan JHEANS melawat tapak yang dirancang untuk pembangunan Mahkamah Anak Negeri Kunak.





AKTIVITI FEBRUARI 2025

LAWATAN PEMANTAUAN DAN LAWATAN TAPAK MAHKAMAH ANAK NEGERI TONGOD

Tarikh: 14 Februari 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Tongod

Pelaksana: Bahagian Pembangunan



Menerusi lawatan ini, Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dimaklumkan bahawa bangunan Mahkamah Anak Negeri Tongod dijangka siap pada 12 Mei 2025.



Pengarah (tengah), Puan Siti Zuraihan (Timbalan Pengarah Pembangunan) dan pegawai Bahagian Pembangunan JHEANS mengadakan *site visit* tapak bangunan Mahkamah Anak Negeri Tongod bersama Ketua-Ketua Adat MAN Tongod.



AKTIVITI FEBRUARI 2025

BENGKEL KEHAKIMAN MAHKAMAH ANAK NEGERI TAHUN 2025

Tarikh: 24 - 25 Februari 2025

Tempat: Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu

Pelaksana: Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri Sabah

Peserta: 33 peserta terdiri daripada Timbalan Presiden Majlis Perbandaran, Pegawai Daerah, dan Penolong Pegawai Daerah.



Dari kiri: Puan Noemi Dyena Johntren (Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Penampang), Tuan Mohd. Shoffian bin Mohd. Said (Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Tawau), Datuk Dr. Jamili Nais (Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan), YB Datuk Isnin bin Aliasni (Pembantu Menteri I, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan), Tuan Nordin Lossin (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah), Tuan Wilson @ Terence Thomas (Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan)



Pengarah (kanan) menyampaikan cendera-mengangan kepada YB Datuk Isnin (tengah) dan disaksikan oleh Datuk Dr. Jamili (kiri).





AKTIVITI FEBRUARI 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN STATUS PERNIAGAAN ANAK NEGERI SABAH (JPSPANS) BIL. 2/2025

Tarikh: 25 Februari 2025

Tempat: Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Pelaksana: Bahagian Usahawan Anak Negeri



Yang Berhormat Datuk Isnin bin Aliasni @ Liasni, Pembantu Menteri I Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) mempengerusikan mesyuarat di Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Mesyuarat yang diadakan 12 kali setahun ini bertujuan untuk meluluskan permohonan Sijil Pengiktirafan Perniagaan Anak Negeri oleh syarikat-syarikat Anak Negeri untuk memenuhi syarat PUKONSA, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

BENGKEL PEMURNIAN LAMAN WEB JHEANS

Tarikh: 25-28 Februari 2025

Tempat: Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Pelaksana: Unit Integriti Dan Korporat

Agensi/Individu terlibat: Tuan Ajman bin Jumadai (KPP Bahagian Perkhidmatan Dan Perluasan Produk ICT), Encik Rozaime bin Abd. Rasid @ Rashid (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat), dan Encik Nathanael Isaac Nicholas (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat KKTP).



Bengkel selama 4 hari ini bertujuan untuk menaiktaraf templat laman web JHEANS dari Bayuweb ke Bayu Centric.





AKTIVITI MAC 2025

MESYUARAT KAJIAN PENJAJARAN KUOTA KETUA-KETUA ADAT

Tarikh: 7 Mac 2025

Tempat: Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Pelaksana: Hal Ehwal Ketua Adat



Duduk, dari kiri: Puan Mortnie (Penolong Pengarah Hal Ehwal Ketua Adat, Puan Anita Limjoon (Pengarah Bersekutu, IDS), Tuan Nordin Lossin (Pengarah JHEANS), dan Puan Norisah binti Saiman (Timbalan Pengarah Pentadbiran JHEANS).





AKTIVITI MAC 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA PENDAFTARAN PEGUAM MAHKAMAH RAYUAN ANAK NEGERI BIL. 2/2025

Tarikh: 11 Mac 2025

Tempat: Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan, Wisma Innoprise.

Pelaksana: Hal Ehwal Ketua Adat



Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri Bil. 2/2025 pada 11 Mac 2025 di bilik mesyuarat tingkat 6 Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KTTP), Wisma Innoprise. Dipengerusikan oleh YBhg Datuk Dr Jamili Nais, Setiausaha Tetap KKTP selaku pengerusi jawatankuasa Pendaftaran Peguam Mahkamah Rayuan Anak Negeri.



Penyerahan surat pelantikan Ahli Jawatankuasa kepada Pengarah JHEANS selaku Setiausaha Jawatankuasa, Peguam Besar Negeri Sabah atau wakilnya Puan Dulce Majawit dan Puan Edna Jessica Majimbun, Ketua Daerah Kota Kinabalu.

Urusetia: Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN JAWATANKUASA PENILAIAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH SIRI 4/2025

Tarikh: 13 Mac 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Tawau

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Agensi/Individu terlibat: Ketua-Ketua Adat MAN Tawau, Jurutera Majlis Perbandaran Tawau dan Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Tawau.



Lawatan Tapak bagi Pembinaan bangunan Mahkamah Anak Negeri Tawau.





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN JAWATANKUASA PENILAIAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH SIRI 4/2025

Tarikh: 13 Mac 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Kunak

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.



Pengarah (tengah) bersama Ketua Daerah Kunak (sebelah kanan pengarah) bersama Timbalan Pengarah Pentadbiran, pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, serta Ketua-Ketua Adat Kunak sewaktu lawatan ke Mahkamah Anak Negeri Kunak.





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN JAWATANKUASA PENILAIAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH SIRI 4/2025



Tarikh: 14 Mac 2025

Tempat:
Mahkamah Anak Negeri Beluran

Pelaksana: Bahagian Pembangunan
Sumber Manusia.



PEMERIKSAAN CARTA ORGANISASI...

Ketua Daerah Haji Amat bin Haji Saruna menunjukkan carta organisasi kepada Pengarah sewaktu lawatan JHEANS ke Mahkamah Anak Negeri Beluran.





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN TAPAK MAHKAMAH ANAK NEGERI BELURAN

Tarikh: 14 Mac 2025

Tempat: Daerah Beluran

Pelaksana: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.



JHEANS mengadakan lawatan tapak Mahkamah Anak Negeri Beluran yang turut disertai oleh Yang Berhormat Datuk Samad bin Jamri, Pembantu Menteri I Kementerian Pembangunan Luar Bandar (sembilan dari kanan) bersama-sama Tuan Roger Apolonius (7 kiri) dan Ketua-Ketua Adat Mahkamah Anak Negeri Beluran.





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN KERJA PENGARAH JHEANS KE MAHKAMAH ANAK NEGERI SANDAKAN

Tarikh: 15 Mac 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Kota Sandakan



Pengarah bersama Ketua Daerah dan Ketua-Ketua Adat MAN Sandakan.





AKTIVITI MAC 2025

LAWATAN KERJA PENGARAH JHEANS KE MAHKAMAH ANAK NEGERI KOTA MARUDU DAN MAHKAMAH ANAK NEGERI PAITAN

Tarikh: 19 Mac 2025

Tempat: Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu & Mahkamah Anak Negeri Paitan



Pengarah bersama Ketua Daerah dan Ketua-Ketua Adat MAN Kota Marudu.





AKTIVITI MAC 2025

WEBINAR PILAR DINAMIK: MEMPERKASA SOKONGAN PERKHIDMATAN, KOMUNIKASI, DAN PROFESIONALISME

Tarikh: 24 Mac 2025

Tempat: Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

Pelaksana: Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri Sabah

Bilangan Peserta: 256 kerani dan Wakil Ketua Anak Negeri seluruh Sabah.

Seramai 256 peserta yang terdiri daripada kerani-kerani Mahkamah Anak Negeri dan Wakil Ketua Anak Negeri seluruh Sabah telah mengikuti Webinar Pilar Dinamik: Memperkasa Sokongan Perkhidmatan Dan Profesionalisme yang diadakan baru-baru ini.

Objektif webinar ini adalah untuk menerapkan kepentingan keterampilan diri penjawat awam, tatacara berpakaian mengikut fungsi majlis serta meningkatkan keyakinan diri penjawat awam apabila berhadapan dengan masyarakat.

Antara topik-topik webinar tersebut adalah Pengurusan Kaunter yang disampaikan oleh Encik Alvin Peter Lajin (INSAN), Komunikasi Berkesan oleh Puan Lira Ida Joannes (iExperience) dan Keterampilan Diri oleh Datin Dr. Cleopatra @ Claire Asing (INSAN).





AKTIVITI MAC 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGIKTIRAFAN STATUS PERNIAGAAN ANAK NEGERI SABAH BIL.3/2025

Tarikh: 25 Mac 2025

Tempat: Sabah International Convention Centre (SICC) Kota Kinabalu

Pelaksana: Bahagian Usahawan Anak Negeri



Yang Berhormat Datuk Isnin bin Aliasni @ Liasni, Pembantu Menteri I Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) mempengerusikan mesyuarat di Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.



Ahli-ahli Jawatankuasa (dari kiri): Puan Rozwin (Pegawai Undang-Undang KKTP), Puan Maliza (Sedcovest), Puan Asiah (MID Sabah), Tuan Arif (Pengarah Jabatan Muzium Sabah), Datuk Ladius (KDCI Sabah), Tuan Ibrahim (JPN Sabah), dan Puan Dygku Rosmawati (Bahagian Pukonsa Kementerian Kewangan Negeri Sabah).



Perkhidmatan kaunter Bahagian Usahawan Anak Negeri JHEANS di tingkat 4, blok A, Wisma Tun Fuad Stephens.



Urus setia Usahawan Anak Negeri (UAN) JHEANS.



AKTIVITI MAC 2025

MESYUARAT KEMAJUAN KERJA (SITE PROGRESS MEETING) MAHKAMAH ANAK NEGERI RANAU

Tarikh: 25 Mac 2025

Tempat: Tapak bangunan Mahkamah Anak Negeri Ranau

Pelaksana: Bahagian Pembangunan

Agensi/Individu terlibat: Pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), dan Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU).



Pengarah bersama pegawai-pegawai JHEANS, JKR, JTU dan UPEN menyelia tapak bangunan Mahkamah Anak Negeri Ranau dengan kontraktor PETRA Sdn Bhd.





AKTIVITI MAC 2025

MESYUARAT KEMAJUAN KERJA (SITE PROGRESS MEETING) MAHKAMAH ANAK NEGERI TAMPARULI

Tarikh: 25 Mac 2025

Tempat: Tapak Mahkamah Anak Negeri Tamparuli

Pelaksana: Bahagian Pembangunan

Agensi/Individu terlibat: Pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), dan Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU).



Pengarah bersama pegawai-pegawai JHEANS, JKR, JTU dan UPEN menyelia tapak bangunan Mahkamah Anak Negeri Tamparuli.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH

Tarikh: 27 Mac 2025 | Tempat: Raia Hotel

Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan pada 27 Mac yang lalu.

Majlis ini yang berlangsung di Raia Hotel, Kota Kinabalu telah dihadiri lebih 60 orang warga jabatan secara fizikal, manakala seramai 30 lebih warga JHEANS mengikuti siaran atas talian menggunakan aplikasi Zoom. Majlis ini turut dihadiri oleh dua orang Ketua Daerah daripada Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu.

Dalam majlis tersebut, Tuan Nordin menerusi ucapannya memperkenalkan konsep "JHEANS Smart" iaitu galakkan membina pemikiran yang kritikal terhadap warga JHEANS yang dianggap penting kepada penjawat awam kerajaan negeri.

"Kita harus berusaha untuk membangunkan pemikiran yang lebih kritikal dan analitikal dalam setiap tugas yang dijalankan. Ini akan membantu kita menyelesaikan masalah dengan lebih kreatif dan efektif."

Beliau juga menggalakkan warga JHEANS untuk melihat sesuatu perkara atau cabaran dari pelbagai sudut dan tidak melihatnya secara statik.



Selain itu, beliau turut menyampaikan bahawa jabatan berjaya mencapai 10 pencapaian dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini iaitu;

1. Pembinaan Pelan Strategik
2. Pembinaan laman web
3. Jawatankuasa Mahkamah Rayuan Anak Negeri
4. Kertas Kabinet Pemberian Bantuan Khas Kewangan Ketua Adat
5. Kertas Kabinet Pembangunan Native Chief

Management System (NCMS) – 6 Modul

6. Pertukaran Dalaman/ Pusingan Kerja Pegawai
7. Aduan Masyarakat
8. Buletin JHEANS
9. Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)
10. Kertas Kabinet Cadangan Bayaran Perkhidmatan Sijil Pendaftaran Usahawan Anak Negeri Sabah.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebanyak 18 Mahkamah Anak Negeri telah dilawati sehingga kini.

Majlis tersebut juga diserikan dengan sesi rakaman takbir raya yang diketuai oleh Tuan Pengarah dan diakhiri dengan jamuan berbuka puasa bersama warga kerja JHEANS.



AKTIVITI MAC 2025

JHEANS SMART

JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH

Tarikh: 27 Mac 2025 | Tempat: Raia Hotel



TIPOGRAFI JELAS & TEGAS

Huruf besar "JHEANS SMART" memberi kesan kukuh dan berwibawa, manakala font moden melambangkan ketegasan serta kecekapan.

WARNA BIRU & EMAS

Biru melambangkan kebijaksanaan dan kestabilan, manakala emas mencerminkan kecemerlangan dan prestasi tinggi dalam pengurusan.



SIMBOL KEPIMPINAN & STRATEGI

Elemen seperti anak panah ke atas, graf, atau buku terbuka melambangkan perancangan strategik, pertumbuhan, serta ilmu pengetahuan.

TAGLINE BERMAKNA

Memimpin dengan Strategi, Mengurus dengan Kecekapan" diletakkan secara kemas di bawah logo, mencerminkan falsafah organisasi yang mengutamakan perancangan bijak dan pengurusan yang efektif.



AKTIVITI MAC 2025

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH

Tarikh: 27 Mac 2025 | Tempat: Raia Hotel



BERTUAH.. En. Asri (dua kiri) memenangi saguhati daripada Tuan Nordin kerana berjaya meneka warna baju raya Pengarah tahun ini. Turut membuat penampilan sulung ialah Timbalan Pengarah Pembangunan, Puan Noorfaridah Hj Othman (kiri).





jheans1.sabah.gov.my

